



Gambar hiasan.

## Jururawat hilang lebih RM200,000 diperdaya Macau Scam

Oleh KOSMO | 4 April 2023, 7:59 pm



KOTA BHARU – Seorang jururawat hanya mampu berputih mata apabila mengalami kerugian lebih RM200,000 termasuk wang pinjaman bank selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis bermula November hingga Sabtu lalu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun berkata, kejadian berlaku ketika mangsa yang berusia 40-an berada di tempat kerjanya Tanah Merah dan menerima panggilan telefon yang mendakwa dirinya membuat tuntutan insurans selama tiga bulan.

Menurutnya, mangsa yang menafikan dakwaan itu dan diarahkan membuat laporan di Balai Polis Ampang, Selangor sebelum menerima panggilan daripada pegawai polis berpangkat Inspektor.

“Suspek memaklumkan mempunyai waran tangkap untuk menahan mangsa selain waran pembekuan harta kerana terbabit dengan kes jenayah.

“Mangsa turut diberi pilihan untuk menjalankan siasatan menerusi panggilan telefon sekiranya tidak mahu hadir ke Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Agihan Bubur Lambuk di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini hari ini.

Muhamad Zaki berkata, mangsa kemudiannya diarahkan pergi ke sebuah bank untuk membuat akaun baharu seperti diarahkan oleh suspek kononnya untuk tujuan siasatan ke atas wang yang dimilikinya.